

# PAS BERUNDUR ATAKANN DIRI SINGKIRKAN?

**PERLETAKAN** jawatan yang Dipertua Agung Pas, Datuk Mohd. Asri Muda tidak mengjutkan kerana sebelum ini sudah pun diramalkan bahawa pucuk pimpinan Pas akan bertukar tangan. Malah, Datuk Asri sendiri beberapa kali membayangkan beliau akan berundur sekira tenaga beliau tidak diperlukan lagi.

Barangkali apa yang menjadi pertanyaan sekarang, mengapa perletakan jawatan itu dibuat di saat-saat akhir setelah melalui berbagai kekecohan dan ketegangan di Mukhtar Ke-28 semalam.

Mungkin Datuk Asri meletakkan jawatan untuk mengelakkan dari disingkir dan surut perletakan jawatannya dibacakan oleh Setiausaha Agungnya, Datuk Abu Bakar Umar yang juga meletakkan jawatannya.

Sekiranya beliau mengumumkan sendiri perletakan jawatannya awal-awal lagi, kemungkinan kekecohan yang berlaku dalam Pas selama ini tidak timbul. Malah beliau akan muncul sebagai seorang tokoh yang terdormat. Tetapi, perletakan jawatan di saat-saat beliau akan disingkirkan, sedikit sebanyak akan menghitamkan kegemilangan sejarah politiknya yang diperjuangkan selama 30 tahun itu.

Sebenarnya kepimpinan Datuk Asri muda diperlihatkan sejak Pas menyertai Barisan Nasional pada tahun 1972 lagi. Beberapa tokoh Pas yang tidak puas hati dengan ke-

masukn Pas itu mula melancarkan kempen menentang Datuk Asri. Bagaimanapun, krisis perletakan Menteri Besar Kelantan dalam tahun 1977 menunjukkan kepimpinan Datuk Asri terus diperiktakan.

Penyingkiran Pas dari Barisan Nasional pada bulan November 1977 secara langsung menyebabkan Pas kehilangan identitinya. Pemimpin-pemimpin Pas yang dahulunya bercakap mewakili kerajaan, kini terpaksa mengemcam kerajaan. Perjuangan mereka mula membibitkan perpecahan dan ketidakpercayaan balaian ketokohan Asri bukan lagi pengukur kekuatan Pas, dan cakup-cakap Asri bukan lagi himmat perjuangan Pas. Keadaan-keadaan inilah menyebabkan Pas mengalami kekalahan terus dalam pilihannya umum 1978 di Kelantan.

## Berani

Kekalahan ini sepatunya sudah dijadikan satu pengajaran oleh Datuk Asri. Tokoh-tokoh muda Pas ketika itu sudah pun berani menyuarakan supaya Datuk Asri meletakkan jawatannya bagi menyelamatkan Pas. Inilah kelipatan besar kerana beliau masih beranggapan Pas itu Asri dan Asri itu Pas, lantaran itu beliau terus mahu memimpin Pas.

Sebagai seorang pemimpin yang berkali-kali, Datuk Asri sepatutnya sudah dapat menilai sejauh manakah kemampuannya mengemudi Pas yang sarat dengan berbagai masalah. Kemungkinan beberapa tokoh muda yang berkeyakinan dan ber-



BEKAS Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd. Asri (dua dari kiri) serius mendengar sesuatu diperkatakan oleh Noh Yang Dipertuaya, Ustaz Fazlil Nor, semasa Mukhtar Tahunan PAS di Kuala Lumpur, kelmarin.

pengaruh sepatutnya dijadikan amaran untuk Asri mengajagi semua ketokohnya.

Ketegangan antara Pas Pusat dengan Negeri menjelang pilihanraya 1982 lalu sudah boleh dianggap kemuncak keruntuhan kepimpinannya. Pas Terengganu sudah tidak menerima Asri di Terengganu, lantaran itu beliau tidak dibenarkan berkempen di sana. Kemunculan beberapa tokoh muda di Terengganu, tegasnya Ustaz Hadi Awang, secara langsung menyebabkan ketokohan Asri.

Walaupun apa pun yang diperkatakan tentang perletakan jawatannya, ketokohan Datuk Asri sebagai politikus tetap tercatat dalam sejarah tanahair. Namanya tetap akan dikenang, perkata dan dikemang orang. Sekurangnya untuk dijadikan contoh kepada politikus-politikus lain yang begitu elang-

untuk berkuasa.

Sebaliknya apa yang perlu diperhitungkan sekarang ialah masa depan parti itu. Apakah dengan lindanya tokoh-tokoh veteran seperti Datuk Asri dan Datuk Abu Bakar Umar, akan menyebabkan perjuangan Pas terganggu?

"Politik memerlukan pengalaman dan tidak boleh didapati melalui bucu sahaja", demikian komen ringkas Datuk Mohamad Nasir ketika membayangkan masa depan Pas akan gelap.

Beliau yang dihumbungi hari ini menjelaskan, masa depan Pas akan terus terganggu sekiranya kepimpinan radikal Pas tidak disesuaikan dengan kehendak masa.

"Walaupun perletakan jawatan Datuk Asri dan Datuk Abu Bakar Umar...

Oleh NAZRI ABDULLAH

Datuk Asri bukan sebarang orang. Sekiranya golongan muda Pas terlalu ghairah dengan sikap radikalnya, saya tidak nampak Pas mempunyai masa depan yang cerah," tegas pemimpin Berjaya, bekas orang kuat Pas yang disingkirkan oleh Datuk Asri pada tahun 1977.

## Orang lama

Sementara itu, para pemerhati politik mula membayangkan akan berlaku kekecohan besar dalam Pas. Perletakan jawatan Datuk Asri tidak akan meny-

pimpinan Pas kerana pertentangan antara orang lama dan baru pasti akan wujud.

Persejoian besar yang akan timbul nanti tidak lain tidak bukan ialah kepimpinan. Masalah ini sesuatu yang serius dalam Pas kerana barisan pemimpin pelapisnya bukan ditonjolkan dari peringkat atas tetapi ditonjolkan dari peringkat bawahannya. Justeru itulah pemimpin pelapis ini berani mencabar pucuk pimpinannya.

Sejauh mana ramanlah ini benar, samalah kita lihat. Tetapi lumrahnya ia akan berlaku kerana kepimpinan politik menjadi bertambah matang melalui pergolakan dan perpecahan. Bagi Datuk Asri, terkeluarnya beliau dari pucuk pimpinan Pas juga sepatutnya disifatkan sebagai satu proses memantapkan dan mematangkan